



RABU, 26 OKTOBER 2022
UNTUK SIARAN SEGERA

KEMALANGAN HELIKOPTER BERHAMPIRAN TANAH RATA, PAHANG

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan telah menerima maklumat berhubung kemalangan udara membabitkan sebuah helikopter jenis Airbus AS 355 F2 dengan nombor pendaftaran 9M-SSW berhampiran Tanah Rata, Cameron Highland, Pahang pada jam 1.03 petang, Rabu, 26 Oktober 2022. Helikopter berkenaan yang dikendalikan oleh Layang Layang Aerospace Sdn. Bhd. Berlepas dari Kampung Gawin ke Tanjung Rambutan, Perak pada jam 12.20 petang. Pesawat berkenaan membawa seorang (1) juruterbang serta lima (5) penumpang.

Pusat Kawalan Operasi Kecemasan (EOC) CAAM dan Pusat Koordinasi Menyelamat Aeronautial (ARCC) di Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) di Sepang diaktifkan segera pada jam 1.11 petang. Unit mencari dan menyelamat pertama melalui jalan darat telah digerakkan ke lokasi kejadian 19 minit kemudian dan usaha mencari dan menyelamat masih dijalankan.

Siasatan lanjut akan dilaksanakan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

DATUK KAPTEN CHESTER VOO
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia